



# UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

☎: +609-6684111

☎: +609-6684217

🌐: [www.umt.edu.my](http://www.umt.edu.my)

✉: [pejabat.bendahari@umt.edu.my](mailto:pejabat.bendahari@umt.edu.my)

@umt.edu.my

PEJABAT BENDAHARI  
BURSAR OFFICE

**Rujukan** : UMT/BEND/100-4/8 JLD.5 (5)

**Tarikh** : 22 Februari 2023

**Bersamaan** : 01 Sya'aban 1444H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y. Bhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

## PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2023

### KADAR DENDA LEWAT MENDAFTAR SEMESTER PENGAJIAN BAGI PELAJAR SEMASA PASCASISWAZAH UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

#### 1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai kadar denda lewat mendaftar semester pengajian bagi pelajar semasa pascasiswazah Universiti Malaysia Terengganu.

#### 2. LATAR BELAKANG

2.1 Peraturan Yuran Pengajian Pascasiswazah UMT telah menetapkan kadar denda lewat mendaftar semester pengajian bagi pelajar pasca siswazah adalah sepertimana berikut:

- a. RM10.00 pada hari pertama selepas tempoh akhir pendaftaran;

- b. RM5.00 pada hari-hari berikutnya (maksimum 2 minggu). Kadar denda maksimum adalah RM75.00.
- 2.2 Semakan semula penetapan kadar denda bagi permohonan pembaharuan notis penyerahan tesis ini telah diperaku dan diluluskan oleh jawatankuasa berikut:
- a. Jawatankuasa Pengajian Siswazah (JKPS) UMT Kali Ke-12 Bil. 5 Tahun 2022 pada 12 Oktober 2022;
  - b. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akauan (JPKA) Kali Ke-65 Bil.1 Tahun 2023 pada 29 Januari 2023; dan
  - c. Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) Kali ke-60 (Bil. 1 Tahun 2023) pada 05 Februari 2023.
- 2.2 Justifikasi semakan semula kadar denda ini adalah sepertimana berikut :
- a. memastikan pelajar mendaftar dalam tempoh pendaftaran dan mengelakkan pelajar daripada melengahkan proses pendaftaran serta seterusnya melancarkan proses pendaftaran; dan
  - b. kadar yang ditetapkan adalah setara dengan kadar denda yang dikenakan untuk pelajar prasiswazah di UMT dan kadar yang dicaj oleh universiti awam lain.

### **3. KADAR DENDA LEWAT MENDAFTAR SEMESTER PENGAJIAN BAGI PELAJAR SEMASA PASCASISWAZAH UMT**

Kadar denda lewat mendaftar semester pengajian bagi pelajar semasa pascasiswazah UMT adalah seperti Jadual 1 di bawah:

| <b>Pelajar</b>   | <b>Kadar</b> |
|--|--------------|
| Kadar denda lewat mendaftar semester pengajian bagi pelajar semasa pascasiswazah UMT | <b>RM100</b> |

*Jadual 1: Kadar denda lewat mendaftar semester pengajian bagi pelajar semasa pascasiswazah UMT*

#### **4. TARIKH KUATKUASA**

Penguatkuasaan kadar denda ini adalah mulai Semester I, Sesi 2023/2024 (Oktober 2023).

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**AZIZAH BINTI HASAN**

Bendahari

Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
5. Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat, Jaringan Industri dan Masyarakat)
6. Penolong Naib Canselor (Strategi dan Prestasi)
5. Fail